

Kerajaan nyatakan hasrat boikot produk Eropah

KUALA LUMPUR 25 Mac - Kerajaan telah pun menyampaikan hasrat kepada Kesatuan Eropah mengenai cadangan untuk tidak mengimport beberapa produk dari benua itu termasuk pesawat pejuang sekiranya minyak kelapa sawit masih lagi menjadi produk yang diharamkan.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihaknya telah menulis mengenai perkara itu dan menyampaikannya kepada pihak berkenaan.

Beliau malah berkata, kerajaan turut bercadang untuk berbincang dengan Indonesia mengenai strategi berkenaan yang dianggap tepat.

“Ini hanya cadangan dan kita

belum lagi buat keputusan. Kita juga tidak merancang untuk membeli pesawat pun.

“Terdapat banyak produk kita boleh beli (dari negara lain),” katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Perdana Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUPEPACS) Bersama Perdana Menteri di Universiti Putra Malaysia dekat sini, hari ini.

Dr. Mahathir ditanya susulan kenyataannya semalam mengenai kerajaan mungkin bertindak balas dengan menghentikan pengimportan barang tertentu dari Eropah jika diskriminasi terhadap minyak sawit masih diteruskan.